

MOE galak universiti setempat ambil pensyarah warga Singapura

KEMENTERIAN Pendidikan (MOE) menggalakkan universiti setempat agar mengambil pensyarah warga Singapura dalam pelbagai laluan akademiknya.

Ini ditekankan oleh Menteri Negara Kanan (Undang-Undang merangkap Pendidikan), Cik Indraneel Rajah, semasa menjawab soalan Anggota Parlimen Dilantik (NMP), Penolong Profesor Eugene Tan, di Parlimen, semalam.

“Universiti berautonomi mempunyai kebebasan untuk merekrut dan menyusun fakulti, tetapi kementerian ini menggalakkan mereka agar mendapatkan warga Singapura bagi semua laluan akademik mereka,” ujar Cik Indraneel.

Encik Tan ingin tahu kadar anggota fakulti warga Singapura berbanding bukan warga di empat universiti berautonomi setempat dalam laluan pelantikan tetap (*tenure*) dan tidak tetap (*non-tenure*).

Soalannya itu menyusuli isu yang melibatkan Dr Cherian George dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU) yang tidak diberi hak pelantikan tetap sebanyak dua kali berturut-turut.

Dalam jawapannya, Cik Indraneel berkata lebih satu dalam dua di kalangan anggota fakulti yang mempunyai hak pelantikan tetap di Universiti Nasional Singapura (NUS), NTU dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU) merupakan warga Singapura.

Di Universiti Teknologi dan Reka Bentuk Singapura (SUTD) pula, kadar tersebut adalah sekitar satu dalam lima.

Di kalangan anggota fakulti yang tidak mempunyai hak pelantikan tetap pula, sekitar satu dalam empat di NUS dan NTU merupakan warga Singapura.

Di SMU, kadar itu ialah satu dalam enam, manakala di SUTD, kadarnya satu dalam tiga.

Encik Tan berkata beliau agak hampa dengan kadar warga Singapura yang rendah.

“Saya akur prinsip merit harus dilaksanakan tetapi saya berharap ada usaha oleh semua universiti membangun warga teras Singapura. Kita perlu golongan yang komited dalam jangka masa panjang,” ujar Encik Tan semasa memberi reaksinya.

Memberi responsnya lagi, Cik Indraneel berkata: “Saya tidak ragu-ragu akademia warga Singapura berkedudukan baik berdasarkan merit dan hak mereka sendiri.”

Beliau selanjutnya merujuk kepada usaha universiti setempat membangunkan akademia setempat seperti biasiswa siswazah dan possiswazah luar negara, termasuk usaha menarik pensyarah warga Singapura di luar negara kembali ke universiti tempatan.

Ini termasuk Profesor Ho Teck Hua dari Sekolah Perniagaan Universiti California, Berkeley, yang kini Naib Presiden (Strategi Penyelidikan) di NUS.

Menjawab soalan Encik Zaqy Mohd (GRC Chua Chu Kang) sama ada terdapat trend berkurangnya pensyarah warga Singapura diberi hak pelantikan tetap, Cik Indraneel berkata beliau tidak mempunyai perangkaan itu tetapi berkata ia sesuatu yang boleh dipantau kementeriaannya.